

Pertemuan PM-Pope Paul mampu pengaruhi isu Palestin

UM - 8 JUN 2002

PEKAN 8 Jun – Pandangan masyarakat antarabangsa terhadap isu Palestin dijangka berubah berikutan pertemuan bersejarah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan Pope John Paul II di Vatican City.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ia berikutan kenyataan Pope baha-

wa perdamaian di Timur Tengah hanya tercapai jika rakyat Palestin mendapat kembali hak yang hilang akibat penindasan Israel.

“Kita berharap dunia respon dengan saranan ini berbanding dengan apa yang kita lihat selama ini,” katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO) Pekan di sini hari ini.